

## Entegris Terima Anugerah Kecemerlangan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di Kemudahan Pembuatan di Malaysia

*Syarikat itu memberi tumpuan kepada penambahbaikan berterusan dan komited kepada sumber yang besar untuk membiayai program mereka bagi memastikan pekerja mereka sihat dan selamat.*

**KUALA LUMPUR, Malaysia--(BUSINESS WIRE)--** Entegris, sebuah syarikat bahan bertaraf dunia yang menawarkan penyelesaian berinovatif dan berasaskan sains untuk mikroelektronik dan industri teknologi tinggi yang lain, hari ini mengumumkan bahawa mereka telah menerima satu anugerah kecemerlangan keselamatan dari Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH). Anugerah itu, yang merupakan anugerah keselamatan tertinggi yang boleh diterima oleh sebuah syarikat di Malaysia, telah disampaikan kepada Entegris pada satu majlis pada Jumaat, 28 Februari, 2020, selepas proses penilaian selama enam bulan.

Siaran media ini mempunyai ciri-ciri multimedia. Lihat siaran lengkap di sini:

<https://www.businesswire.com/news/home/20200302006076/en/>



**ENTEGRIS MENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN UNTUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH) DI KEMUDAHAN PEMBUATAN DI MALAYSIA** Dari kiri ke kanan 1. Ir. Hj. Omar Bin Mat Piah (Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia) 2. Dato' Amir Bin Omar (Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia Malaysia) 3. Derek Ong (Pengarah Urusan, Entegris Malaysia) 4. Dato' Dr Syed Hussain Bin Syed Husman (Ahli Majlis bagi Persekutuan Majikan-majikan Malaysia) (Foto: Business Wire)

Menurut Derek Ong, pengarah urusan bagi Entegris Malaysia, yang menerima anugerah itu, Entegris mempunyai satu komitmen yang sangat mantap untuk memastikan kesihatan dan keselamatan pekerja mereka. “Kami mahu semua orang di kemudahan kami mempunyai keselamatan. Tingkah laku pasukan kepimpinan kami memberikan contoh harian tentang cara bekerja dengan selamat dan pada masa yang sama pekerja kami di bahagian pembuatan mengambil tindakan setiap hari untuk memastikan tempat kerja mereka sihat dan selamat. Bersama-sama, kami terus memberi tumpuan kepada peningkatan berterusan melalui mesyuarat pengurusan mingguan, jalan-jalan keselamatan Gemba untuk meraikan kejayaan dan bagi mengenal pasti bidang-bidang bagi penambahbaikan, latihan keselamatan pekerja, taklimat keselamatan dua minit semasa setiap syif, dan kempen promosi keselamatan,” \_kata beliau.

Lebih 950 orang pekerja bekerja di kemudahan di Kulim, yang merupakan kemudahan serba canggih yang membangunkan sistem dan produk untuk memastikan penyampaian yang bersih dan selamat bagi komponen mikroelektronik yang digunakan dalam proses pembuatan semikonduktor dan industri teknologi tinggi yang lain. Ia adalah tapak perkilangan Entegris yang terbesar dan merupakan sebahagian daripada Bahagian Pengendalian Bahan Termaju (AMH) syarikat itu.

Menurut Mike Lloyd, naib presiden bagi operasi di AMH, antara aspek bagi program kesihatan dan keselamatan syarikat itu yang mendapat pengiktirafan dari NCOSH adalah 1) penglibatan pengurusan kanan dalam semua perkara berkaitan keselamatan, 2) komitmen sumber yang besar oleh syarikat itu untuk membiayai program kesihatan dan keselamatan mereka, 3) sistem syarikat itu untuk mengesan insiden, dan 4) metrik pelaporan proaktif mereka.

“Walaupun syarikat dan pasukan pengurusan menjadikan kesihatan dan keselamatan sebagai satu keutamaan, pekerja kami yang berusaha setiap jam pada hari kerja mereka menjadikan kemudahan kami sebuah tempat kerja yang sihat dan selamat,” \_kata Lloyd.

Untuk memotivasi dan menggalakkan pekerja, Ong memberitahu mereka “untuk bekerja dengan cara selamat bukan kerana pengurusan atau pengukuran prestasi yang khusus, tetapi supaya anda boleh pulang ke rumah dalam keadaan sihat pada setiap hari kepada keluarga anda.” \_

Di samping itu, syarikat itu mempunyai satu program pengiktirafan yang memberi ganjaran kepada kakitangan yang membuat cadangan bagi penambahbaikan keselamatan, menunjukkan tingkah laku keselamatan yang baik, menangani isu-isu keselamatan, dan melatih pekerja lain mengenai isu-isu keselamatan. Pekerja juga terlibat dalam satu program bantuan masyarakat yang menggalakkan kesihatan dan keselamatan bagi kanak-kanak yang termasuk latihan Pertolongan Cemas.

### **Maklumat mengenai Entegris**

Entegris adalah sebuah pemimpin di dalam penyelesaian bahan kimia khusus dan bahan termaju untuk industri mikroelektronik dan industri teknologi tinggi yang lain. Entegris mempunyai kira-kira 5,300 orang pekerja dalam operasi global mereka dan memiliki ISO 9001 yang dipraktikkan. Ia mempunyai kemudahan pembuatan, perkhidmatan pelanggan, dan/atau kemudahan penyelidikan di Amerika Syarikat, Kanada, China, Perancis, Jerman, Jepun, Malaysia, Singapura, Korea Selatan, dan Taiwan. Maklumat tambahan boleh didapati di [www.entegris.com](http://www.entegris.com).

Lihat versi sumber di businesswire.com: <https://www.businesswire.com/news/home/20200302006076/en/>

### **Hubungi**

#### **Hubungan Media: Amerika Syarikat dan Eropah**

Connie Chandler +1 978-436-6546

[connie.chandler@entegris.com](mailto:connie.chandler@entegris.com)

#### **Hubungan Media: Asia dan Jepun**

Kitty Xu +862180236591

[kitty.xu@entegris.com](mailto:kitty.xu@entegris.com)

Sumber : Entegris

Teks bahasa sumber asal pengumuman ini adalah versi rasmi yang sah. Terjemahan yang disediakan hanya sebagai penyesuaian sahaja, dan hendaklah di silang-rujuk dengan teks bahasa sumber, yang satu-satunya versi teks dengan kesan undang-undang.